

# JAS Kedah bongkar aktiviti proses plastik jadi makanan ikan

BH • 4 | 07 | 24 Mks 18

**Sungai Petani:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah membongkar kegiatan sebuah kilang kitar semula yang disyaki memproses plastik terpakai menjadi pelet, sebelum dibungkus dengan label makanan ikan, di sini semalam.

Menteri Sumber Asli dan Kestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata serbuan itu dilakukan kira-kira jam 11 pagi semalam menerusi Ops Patuh bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen.

Katanya, kilang kitar semula terbabit dipercayai beroperasi secara haram dengan menjadikan pelet dibungkus dalam pek berlabel makanan ikan.

"Hasil pemeriksaan menemukan kira-kira 100 tan yang selesai diproses sebagai pelet dan dibungkus dalam plastik bertulis makanan ikan air tawar.

"Selain itu, kita turut menemui kira-kira 100 tan plastik terpakai yang belum diproses," katanya selepas Ops Patuh terhadap kilang kitar semula itu, di sini semalam.

Nik Nazmi berkata, pihaknya turut menyita lebih 1,500 tan bahan sisa elektronik dalam serbuan terhadap sebuah lagi kilang kitar semula di sini.

Katanya, dua kilang terbabit dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) mengikut Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 ke atas mesin pengeluaran yang diguna dalam premis tanpa sebarang alat kawalan.

"Serbuan terhadap dua kilang kerana menjalankan pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual (e-waste) tanpa kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan lesen daripada JAS, serta aktiviti kitar semula plastik tanpa EIA," katanya.

Nik Nazmi berkata, bagi penguatkuasaan mengikut AKAS 1974 (Akta 127), premis itu disiasat mengikut Seksyen 18, AKAS 1974 kerana menjadi kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa mendapat lesen daripada JAS.

Katanya, premis turut disiasat mengikut Seksyen 34A, AKAS 1974 kerana gagal mengemukakan laporan EIA kepada JAS dan Seksyen 34B, AKAS 1974 kerana menempatkan buangan terjadual tanpa mendapat kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Beliau berkata, kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan juga akan disediakan atas semua kesalahan mengikut AKAS 1974.

Katanya, berdasarkan rekod JAS, ada 3,526 premis daripada pelbagai sektor industri beroperasi di Kedah.